

30 DEC 1999

MAHATHIR-CLOB

M'SIA MUNGKIN LANJUTKAN STATUS NOMINEE CDP SINGAPURA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Malaysia mungkin akan melanjutkan status nominee Central Depository Pte Ltd (CDP) Singapura yang memegang saham-saham Central Limit Order Book (CLOB) International yang dibekukan, tetapi ia terletak kepada Kementerian Kewangan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Status nominee CDP dalam memegang saham-saham CLOB selepas ia dibekukan apabila Malaysia menyifatkan CLOB tidak sah, tamat esok.

Perdana Menteri juga berkata bahawa "sekiranya isu CLOB tidak diselesaikan dan perjanjian tidak dicapai, adalah penting untuk mengambil alih saham-saham itu".

Bagaimanapun, katanya, para pelabur CLOB sepatutnya menerima tawaran-tawaran yang munasabah yang telah dicadangkan kepada mereka kerana harga saham-saham berkenaan telah meningkat 200 peratus berbanding dengan harga pada masa ianya dibekukan (pada Sept 1989).

"Sebaliknya, mereka mahukan faedah maksima apabila mereka sendiri yang menyebabkan harga-harga itu jatuh," katanya apabila diminta mengulas mengenai status nominee CDP yang tamat esok, selepas pembukaan Persidangan Antarabangsa Pengajian Agama, di sini.

Para pelabur CLOB bertanggungjawab sebahagiannya kerana menjatuhkan BSKL di kemuncak krisis kewangan 1997-98, dengan CLOB sebagai saluran dana-dana lindung nilai menjual singkat saham-saham Malaysia.

Selepas saham-saham CLOB dibekukan pada Sept 1998 sejajar dengan langkah Malaysia untuk memastikan semua dagangan saham-saham Malaysia dilakukan di bursa yang diiktiraf oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), ia dipindahkan kepada akaun khas CDP yang diberikan status nominee.

Sejak itu, sekurang-kurangnya enam cadangan telah dikemukakan oleh sektor swasta bagi menyelesaikan dan membebaskan saham-saham itu untuk diniagakan di BSKL.

Bagaimanapun, para pelabur Singapura telah menolak semua cadangan.

Ditanya mengenai tinjauan prestasi pasaran saham memandangkan ia telah memecahkan paras 800 mata semalam -- paras terakhir dicapai pada Ogos, beliau berkata: "Prestasi BSKL akan lebih baik tahun depan kerana prestasi semua syarikat adalah baik dan memandangkan kepada tinjauan prestasi ekonomi yang lebih baik." --BERNAMA

SHO MR JR